

# ZORANATE ELIXIR

Dimenhydrinate (15mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Zoranate Elixir*
2. Bagaimana *Zoranate Elixir* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Zoranate Elixir*
4. Cara menggunakan *Zoranate Elixir*
5. Semasa menggunakan *Zoranate Elixir*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Zoranate Elixir*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang *Zoranate Elixir*. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil *Zoranate Elixir* berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan *Zoranate Elixir*

*Zoranate Elixir* digunakan dalam rawatan dan pencegahan loya, muntah dan mabuk perjalanan.

## Bagaimana *Zoranate Elixir* berfungsi?

*Zoranate Elixir* mengandungi Dimenhydrinate sebagai bahan aktif. Dimenhydrinate ialah sejenis antihistamina yang membantu mengurangkan dan mencegah loya, muntah dan mabuk perjalanan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan *Zoranate Elixir*

Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan mengambil *Zoranate Elixir* sekiranya anda hipersensitif terhadap:

- ubat yang mengandungi Dimenhydrinate.
- ubat-ubat antihistamina lain yang serupa.
- bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini.

## Sebelum menggunakan *Zoranate Elixir*

Penjagaan khas diperlukan untuk *Zoranate Elixir*:

- Jika anda terlibat dengan sebarang aktiviti yang memerlukan kepekaan mental.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda baru-baru ini mengambil apa-apa ubat lain termasuk ubat tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat dan *Zoranate Elixir* boleh mengganggu satu sama lain.

Antihistamin boleh meningkatkan kesan sedatif pada sistem saraf pusat termasuk alkohol, barbiturat, hipnotik, analgesik narkotik, sedatif dan penenang. Antihistamin mempunyai ciri-ciri antikolinergik, ia harus digunakan dengan berhati-hati dalam keadaan yang diburukkan lagi atau terjejas akibat daripada Atropine seperti glaukoma (tekanan tinggi di dalam mata) and hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat).

Dimenhydrinate boleh menyebabkan kerosakan yang disebabkan oleh dadah ototoxic seperti antibiotik aminoglycoside.

## Cara menggunakan *Zoranate Elixir*

### Berapa banyak harus digunakan

#### Rawatan untuk loya dan muntah:

2 hingga 6 tahun = 2.5ml  
6 hingga 8 tahun = 5ml  
8 hingga 12 tahun = 10ml

\* Dos diberikan 2 hingga 3 kali sehari.

#### Rawatan pencegahan sebelum bergerak:

2 hingga 6 tahun = 2.5ml  
6 hingga 8 tahun = 5ml  
8 hingga 12 tahun = 10ml

\* Dos diberikan setengah jam sebelum bertolak.

#### Bila perlu digunakan

Ambil *Zoranate Elixir* bersama dengan makanan atau tanpa makanan.

### Berapa lama perlu digunakan

Bergantung kepada individu. Berunding dengan doktor anda mengenai tempoh rawatan untuk penggunaan ubat ini.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jika ia menghampiri waktu untuk dos yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat seterusnya mengikut jadual yang ditetapkan.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak *Zoranate Elixir*.

### **Semasa menggunakan Zoranate Elixir**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil *Zoranate Elixir*.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil apa-apa makanan, minuman atau aktiviti yang dilarang oleh doktor semasa mengambil *Zoranate Elixir*.

Jangan minum alkohol (minuman keras) semasa menggunakan *Zoranate Elixir*. Antihistamin boleh menyebabkan mengantuk dan boleh meningkatkan kesan alkohol.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Reaksi anda mungkin akan terjejas semasa rawatan dengan *Zoranate*

Elixir dalam beberapa hari yang pertama. Jangan memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga kesan rawatan *Zoranate Elixir* pada anda diketahui.

### **Kesan-sesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil *Zoranate Elixir*.

*Zoranate Elixir* membantu kebanyakan orang yang mengambilnya tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang ia serius, tetapi selalunya tidak.

Hentikan pengambilan dimenhydrinate dan dapatkan rawatan kecemasan jika anda mengalami reaksi alahan (kesukaran bernafas; kebengkakan bibir, lidah atau muka; atau kegatalan).

Selain daripada itu, kesan-sesan sampingan yang kurang serius lebih cenderung untuk berlaku. Bincang dengan doktor anda jika anda mengalami:

- mulut kering
- tekanan darah tinggi
- loya atau muntah-muntah
- cirit-birit atau sembelit
- keletihan atau mengantuk
- sakit epigastrik
- sakit kepala
- pening
- penglihatan kabur
- koordinasi tidak selaras
- Tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berdesit)
- kerengsaan

Jika mana-mana kesan sampingan ini menjadi serius atau anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Zoranate Elixir**

#### Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak. Jauhi daripada cahaya yang kuat. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

*Zoranate Elixir* ialah cecair sirap oren yang berperisa dan berbau buah-buahan campuran (oren, nanas, strawberi dan ceri).

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Dimenhydrinate.

Bahan-bahan tidak aktif:  
Sodium Benzoate, Minyak Pudina, Kristal Mentol, Perisa Buah-buahan campuran, Minyak Jintan Manis, Asid Citrik Anhydrous, Sorbitol 70%, Ariavit Sunset Kuning, Propylene Glycol, Sodium Saccharin, Sukrosa dan Air Tulen.

#### Nombor MAL :

MAL19870319A

#### **Pengilang:**

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Baru Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Baru Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP :**  
21/10/2015

**Nombor siri:**  
BPFK(R4/1)290415/00088